

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN CHE MOHAMAD ZULKIFLY BIN JUSOH

SOALAN : 47

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu] minta MENTERI PENGANGKUTAN menyatakan peratus perkhidmatan bas ekspres yang telah mengaplikasikan alat kawalan had laju setakat ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Alat kawalan had laju (*Speedlimiter*) telah dikuatkuasakan ke atas model baru bas bermula 01 Januari 2015 melalui proses Kelulusan Jenis Kenderaan atau *Vehicle Type Approval* (VTA) sebelum bas-bas berkenaan diberi kelulusan untuk berada di atas jalan raya.

Pada tahun 2015, sebanyak 1,289 buah bas bagi kesemua kategori bas termasuk bas ekspres telah dilengkapi dengan alat *speedlimiter*. Ini merangkumi 2.2% daripada jumlah pendaftaran terkumpul bas sehingga 31 Disember 2015 iaitu sebanyak 58,838 buah bas.